

**31** PENGURUSAN  
**KANAN**  
**MENGEMUDI**  
**HALA TUJU MASA**  
**DEPAN KWSP**

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

**DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN**

Ketua Pegawai Eksekutif



**Tahun 2014 mengalami pertumbuhan ekonomi global tidak menentu yang membawa kepada persekitaran pelaburan yang mencabar terutamanya pada akhir tahun.**



## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (Samb.)

### PULANGAN PELABURAN (ROI)

KWSP tetap berjaya mendapat Pulangan Pelaburan (ROI)

**7.25%**, dengan pelaburan ekuiti menjana ROI dua digit untuk empat tahun berturut-turut membolehkan KWSP mengisytiharkan dividen 6.75%.

### PENGENALAN APLIKASI MUDAH ALIH YANG PERTAMA

Pengenalan aplikasi mudah alih KWSP yang pertama, EPF i-Akaun yang disediakan di platform **iOS** dan **ANDROID**.



### MERANGKA EKOSISTEM POLISI KESELAMATAN SOSIAL

Kami telah menjalinkan kerjasama yang **LEBIH ERAT** dengan penggubal dasar bagi merangka ekosistem polisi keselamatan sosial yang komprehensif dan holistik.



**Namun, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjaya mencapai prestasi yang lebih baik berbanding tahun kewangan sebelumnya. Pendapatan kasar KWSP telah meningkat dengan ketara, manakala dari segi operasi, KWSP terus memantapkan platform IT untuk meningkatkan kecekapan proses dalamannya, termasuk penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Pada masa yang sama, KWSP terus melibatkan diri bersama Kerajaan dan agensi berkaitan untuk mewujudkan sistem keselamatan sosial yang menyeluruh serta melindungi kecukupan kewangan rakyat Malaysia semasa mereka bersara.**

Pertumbuhan ekonomi lebih kukuh di Amerika Syarikat (AS) berbanding di Zon Eropah, manakala China bergerak agak perlahan dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Jepun lemah pada 2014. Didorong pemulihan domestik, Rizab Persekutuan AS mula mengurangkan pelonggaran kuantitatif (QE) pada Januari 2014 dengan mengurangkannya sebanyak AS10 bilion di setiap mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC). Kesannya, terdapat aliran keluar dana asing secara besar-besaran daripada pasaran baru muncul, termasuk Malaysia. Malaysia juga turut menerima impak disebabkan perdagangan yang lembab di China hasil daripada pengurangan jumlah dan nilai eksport ke salah sebuah negara pengimport terbesar di Malaysia.

Aliran keluar dana AS daripada pasaran modal tempatan ditambah dengan penyusutan lebihan dagangan, seterusnya menyebabkan ketidaktentuan dalam Ringgit yang jatuh pada paras terendah berbanding Dolar AS sejak 2010 pada November 2014. Sementara itu, dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negara, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan program rasionalisasi subsidi yang seterusnya telah merangsang peningkatan inflasi lebih 3.0% pada 2014.

#### PRESTASI KEWANGAN KWSP

Walaupun berhadapan dengan landskap kewangan yang mencabar, serta ketiadaan transaksi one-off sepanjang tahun, KWSP tetap berjaya mendapat Pulangan Pelaburan (ROI) 7.25%, dengan pelaburan ekuiti menjana ROI dua digit untuk empat tahun berturut-turut membolehkan KWSP mengisytiharkan dividen 6.75%. Perkara ini memenuhi komitmen KWSP untuk memberikan dividen nominal tidak kurang daripada 2.50%, serta purata dividen benar lebih daripada 2.0% untuk purata tiga tahun berturut-turut.

Prestasi kewangan yang mantap adalah kesan langsung daripada polisi diversifikasi KWSP, yang menyaksikan penyaluran lebih banyak dana ke dalam aset antarabangsa dan di pelbagai kelas aset yang lebih luas.

Daripada mempunyai 20% jumlah aset dalam pelaburan luar negara pada akhir 2013, KWSP kini mempunyai 23% pada akhir 2014 dan Kementerian Kewangan telah memberikan peluang untuk meningkatkan jumlah ini kepada 26%. Pelaburan yang berhemah di luar negara terutamanya di pasaran yang menunjukkan prestasi yang baik seperti di AS dan United Kingdom (UK) telah membolehkan KWSP mengharungi persekitaran kadar faedah yang rendah.

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (Samb.)

Selaras dengan semakan tiga tahun Alokasi Aset Strategik (SAA) KWSP, KWSP terus meningkatkan alokasi dalam aset berkaitan inflasi seperti Hartanah dan Infrastruktur yang menyumbang sebanyak RM1.39 bilion, naik 22.31 peratus berbanding 2013.

Sementara itu, separuh daripada aset KWSP masih dalam pelaburan instrumen berpendapatan tetap berisiko rendah yang terus menjana pendapatan stabil seperti mana yang diperlukan oleh sebuah simpanan dana.

### KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Selain memastikan pulangan kewangan yang optimum untuk ahli KWSP, KWSP sejak beberapa tahun ini juga telah memberi tumpuan terhadap usaha menambah baik kecekapan dalaman; dari segi proses dan sistem; dan luaran, dengan memperbaiki capaian kepada perkhidmatan serta mengurangkan masa dan dokumentasi transaksi yang diperlukan dengan memperkenalkan perkhidmatan online.

Bagi meminimumkan kesilapan dan mengurangkan keperluan sumber dan ruang penyimpanan, KWSP secara progresif telah memindahkan sistem manual kepada platform digital. Bagi membolehkan transaksi yang lebih pantas, lancar dan kurang pergantungan sumber dengan rakan niaga, KWSP turut mewujudkan hubungan rangkaian IT dengan pihak ketiga seperti bank, hospital, universiti dan agensi kerajaan yang berkaitan. Hasilnya amat memuaskan, di mana KWSP dapat meningkatkan produktiviti dan keselamatan, sementara ahli mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang lebih pantas.

Hubungan IT dengan rakan niaga KWSP bukan sekadar dapat mengelakkan kesilapan tetapi membolehkan KWSP untuk menawarkan kemudahan online kepada ahli termasuk majikan. Pada 2013, KWSP telah memperkenalkan permohonan pengeluaran online pengurangan pinjaman perumahan dan membuat bayaran ansuran bulanan pinjaman perumahan bagi ahli yang mempunyai akaun pinjaman perumahan RHB Bank. Pada tahun ini, KWSP telah memperluaskan kemudahan ini kepada mereka yang mempunyai akaun Maybank dan merancang untuk memperluaskan lagi kemudahan ini kepada semua ahli tanpa mengira jenis bank mereka, tidak lama lagi.

Satu perkembangan terbaharu yang menarik pada 2014 adalah pengenalan aplikasi mudah alih KWSP yang pertama, EPF i-Akaun yang disediakan di platform iOS dan Android. Aplikasi ini memberikan maklumat penting mengenai KWSP di hujung jari, yang memudahkan ahli untuk menyemak caruman dan memberi maklum balas kepada kami mengenai majikan yang tidak mencarum.

Kelebihan perkhidmatan online yang ditawarkan kepada ahli dan majikan dibuktikan dengan peningkatan jumlah penggunaan yang dicatatkan. Menjelang akhir 2014, sebanyak 1,199 permohonan pengeluaran perumahan online telah diluluskan. Lebih daripada 174,000 muat turun di Google Play Store dan 46,600 di Apple App Store bagi aplikasi mudah alih EPF i-Akaun. Lebih memberangsangkan lagi, 80% caruman bulanan ahli diterima secara elektronik terutama menerusi e-Caruman yang mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dan kini merangkumi 52.85% majikan.

Secara purata, 76.02% transaksi ahli dibuat secara online. Dengan sambutan yang menggalakkan ini, KWSP akan melancarkan lebih banyak perkhidmatan layan diri untuk ahli dan majikan tidak lama lagi.

### MENGUKUHKAN RANGKA KERJA KESELAMATAN SOSIAL

Dalam usaha untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia, KWSP terus menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan penggubal dasar bagi merangka ekosistem polisi keselamatan sosial yang komprehensif dan holistik.

Hakikatnya, 68% ahli KWSP yang berusia 54 tahun mempunyai kurang daripada RM50,000 dalam akaun mereka, iaitu lebih rendah daripada amaun minimum Simpanan Asas yang ditetapkan pada 1 Januari 2014 berjumlah RM196,800. Sebahagian besar jumlah ini disumbangkan oleh ahli yang menerima gaji rendah. Daripada 6,659,036 ahli aktif, 8% menerima gaji dalam lingkungan RM4,001 hingga RM6,000, 24% antara RM2,001 hingga RM4,000, manakala 60% menerima kurang daripada RM2,000 sebulan.

Faktor ini dikompaunkan, yang mana 14% penduduk akan berusia 60 tahun atau lebih menjelang 2030. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak dan kritikal untuk mewujudkan satu rangka polisi yang tepat bagi menguruskan isu negara menua. Antara pendekatan yang dijuarakan oleh KWSP ialah rangka kerja keselamatan sosial pelbagai tonggak, seperti yang dikemukakan oleh Bank Dunia. Caruman wajib KWSP merupakan salah satu tonggak ini, manakala bantuan sosial awam, penjagaan kesihatan merupakan tonggak yang lain. Pada 2012, Skim Persaraan Swasta (PRS) dilancarkan, yang membentuk tonggak ketiga, untuk menambah simpanan ahli KWSP.

### MASA HADAPAN

Tahun 2015 dilihat akan memberikan cabaran baharu, dengan pemulihan ekonomi global dan eksport yang tidak menentu yang akan memberikan kesan terhadap pasaran baru muncul, yang mana sesetengahnya masih diselubungi pertumbuhan domestik yang perlahan.

**Prestasi kewangan yang mantap adalah kesan langsung daripada polisi diversifikasi KWSP, yang menyaksikan penyaluran lebih banyak dana ke dalam aset antarabangsa dan di pelbagai kelas aset yang lebih luas.**

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (Samb.)

**KWSP secara beransur-ansur berubah daripada sebuah organisasi berasaskan perkhidmatan transaksi kepada organisasi yang memberikan tumpuan terhadap isu berkaitan khidmat nasihat persaraan.**

Ekonomi Malaysia telah mula menerima kesan daripada kejatuhan harga minyak di bawah AS\$60 setong, ringgit yang lemah daripada RM3.50 berbanding Dolar AS dan peningkatan aliran keluar dana asing pada penghujung tahun. Walaupun masih didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, KWSP menjangkakan pertumbuhan perlahan berbanding 2014, kerana kesan daripada pendapatan eksport yang rendah. Sementara itu, secara purata, inflasi dijangka berada di bawah 3.0% yang terutamanya disebabkan oleh harga minyak yang rendah selain daripada pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Untuk melindungi modal, KWSP akan bersikap lebih selektif dalam memilih saham. KWSP juga akan memanfaatkan persekitaran Dolar AS yang kukuh untuk meningkatkan pendapatan pelaburannya di luar negara dari segi Ringgit. Dengan mengekalkan tahap berhemah dalam menguruskan aset kami dan disamping meningkatkan portfolio strategi diversifikasi, KWSP yakin dapat menjana pulangan yang mampan kepada ahli.

Dari segi operasi, tahun 2015 merupakan tahun yang menarik kepada organisasi dan ahli kami, dengan pengenalan beberapa kemudahan perkhidmatan online baharu untuk meningkatkan nilai pengalaman pelanggan. Pengeluaran online akan diperluaskan kepada pengeluaran pendidikan dan penyakit kritikal. Selain itu, KWSP akan bekerjasama dengan rakan niaga dari pihak bank, universiti dan hospital untuk membolehkan ahli mengemukakan pengeluaran mereka di premis pihak ketiga ini. Buat masa ini, ahli boleh mencetak penyata KWSP mereka di beberapa bank dengan menggunakan *mobile handheld devices*. Rancangan KWSP, adalah untuk memperluaskan platform ini bagi pengesahan cap ibu jari dengan menggunakan sistem tertutup ini di bank tersebut.

Untuk majikan, matlamat KWSP adalah untuk menggalakkan lebih ramai majikan menggunakan caruman online, terutama mereka yang mempunyai kurang daripada 20 orang pekerja. Sebuah aplikasi mudah alih melalui peranti pintar akan diperkenalkan untuk mempercepatkan peralihan majikan kepada sistem online.

KWSP secara beransur-ansur berubah daripada menjadi sebuah organisasi berasaskan perkhidmatan transaksi kepada organisasi yang memberikan tumpuan terhadap isu berkaitan khidmat nasihat persaraan. Usaha ini dipacu oleh keperluan yang jelas untuk meningkatkan kadar celik kewangan di dalam negara, serta kemampuan untuk menggunakan semula sumber di bahagian kaunter, yang tidak lagi melakukan tugas yang sama sebelum ini hasil daripada penggunaan lebih banyak perkhidmatan online. Sebagai permulaan, pada Julai 2014, KWSP telah melancarkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) sebagai projek perintis di cawangan utama KWSP di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Berdasarkan sambutan positif yang diterima, perkhidmatan ini akan diperluaskan secara beransur-ansur ke enam lagi cawangan pada 2015 dan menjadikan sejumlah 18 cawangan menjelang 2017.

Sebagai sebuah organisasi, KWSP telah membuat kemajuan yang signifikan dalam memenuhi keperluan dan harapan ahli yang semakin celik IT. KWSP menjangkakan 2015 akan menjadi tahun yang mencatatkan sejarah kejayaan cemerlang dalam pelbagai perkara dengan pengenalan lebih banyak produk dan perkhidmatan elektronik yang lebih menarik.


Saya yakin dengan hala tuju organisasi ini berdasarkan tahap komitmen yang diberikan oleh semua pihak. Bagi pencapaian yang telah dicapai, saya ingin memberikan penghargaan yang tidak terhingga kepada Pengerusi KWSP dan Lembaga dan setiap pekerja di KWSP. Marilah kita terus Menzahirkan Nilai Murni disamping berusaha untuk menjadi antara organisasi keselamatan sosial terkemuka di peringkat global.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pihak kerana memberikan kerjasama erat kepada KWSP, serta majikan yang telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Untuk ahli, kepentingan mereka akan terus diutamakan dalam setiap strategi dan tindakan KWSP.



**Datuk Shahril Ridza Ridzuan**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# Struktur Organisasi



# Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP



## DATO' MOHD NAIM DARUWISH

Bahagian Operasi

Dato' Mohd Naim Daruwish telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) KWSP pada 4 Oktober 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada Universiti Malaya. Beliau memulakan kariernya dengan berkhidmat di Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sebagai Majistret dan Majistret Kanan dari tahun 1985 hingga 1992.

Kerjaya beliau di KWSP bermula pada tahun 1992 sebagai Pengurus di Bahagian Pendakwaan / Litigasi dan pernah memegang pelbagai jawatan antaranya sebagai Pengurus Kanan dan Pengurus Besar di Bahagian Pendakwaan / Litigasi, Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan Jabatan Undang-Undang dan Pengurus Besar Kanan di Jabatan Caruman. Mulai Disember 2011 hingga September 2014, beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.



## MOHAMAD NASIR AB. LATIF

Bahagian Pelaburan

Mohamad Nasir Ab. Latif dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan), KWSP pada 15 April 2013.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) daripada Universiti Sains Malaysia dan mendapat Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 dan Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan daripada University of Stirling, United Kingdom, pada 1999.

Mohamad Nasir memulakan kerjaya di KWSP pada 1982 dan telah menyandang pelbagai jawatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan). Ini termasuk sebagai Pegawai Penguatkuasaan Negeri (1990-1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Pelaburan dan Penyelidikan Ekonomi (1995-2003) dan Pengurus Besar di Jabatan Pelaburan Ekuiti Luar Negara (Julai 2009-2013).

Beliau juga merupakan ahli Lembaga United Plantations Berhad, Plus Malaysia Berhad dan Battersea Project Company Limited.



## TUNKU ALIZAKRI RAJA MUHAMMAD ALIAS

Bahagian Strategi

Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi di KWSP pada 1 Januari 2014.

Beliau memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Cornell University dan Sarjana Muda Undang-Undang dari King's College, University of London. Beliau pernah menjadi peguambela dan peguamcara di mahkamah Malaysia dan diiktiraf sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.

Tunku Alizakri mempunyai pengalaman luas dalam perancangan strategik, komunikasi, sumber manusia dan pemasaran. Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Ketua Pegawai Operasi di The Iclif Leadership and Governance Centre. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pengurusan Strategik di Bank Negara Malaysia, Pengarah dan Ketua Strategik dan Hal-Ehwal Korporat di DiGi Telecommunications dan Naib Presiden dan Ketua Perancangan Strategik Kumpulan Maybank.

## Pengurusan Kanan



**DATUK SHAHRIL RIDZA BIN RIDZUAN (DSIS),(PJN)**

Ketua Pegawai Eksekutif

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Arts, Cambridge University*
- ii. *Bachelor of Civil Laws, Oxford University*



**DATO' MOHD NAIM DARUWISH (DSIS),(DIMP),(JMW)**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Operasi

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya (UM)*



**MOHAMAD NASIR BIN AB LATIF**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Pelaburan

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Science (Investment), University of Stirling, Scotland, UK*
- ii. *Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi), Universiti Sains Malaysia (USM)*
- iii. *Cert. Diploma in Accounting & Finance (ACCA)*



**TUNKU ALIZAKRI BIN RAJA MUHAMMAD ALIAS**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Business Administration (MBA), Cornell University, Ithaca, New York*
- ii. *Barrister at Law, Lincoln's, London*
- iii. *Bachelors in Law (LLB), King's College, University of London, London*



**JAMES LIM TUANG OOI (AMN)**

Ketua Jabatan Pengurusan Risiko

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Certified Public Accountant, Malaysian Institute of Certified Public Accountants*
- ii. *Chartered Accountant, Malaysian Institute of Accountants*



**WONG CHEN CHEONG**

Ketua Jabatan Audit Dalam

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Science in Financial Decision Analysis, University of Portsmouth, UK*
- ii. *Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), Universiti Malaya (UM)*

## Pengurusan Kanan (Samb.)



**HARDIAL SINGH A/L MITT SINGH**

Ketua Jabatan Penguatkuasaan

**Kelayakan Akademik:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Sastera Kepujian (Sains Politik), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



**SAZALIZA BIN ZAINUDDIN**

Ketua Jabatan Kewangan

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Associate of Chartered Certified Accountants (ACCA), UK*
- ii. *BA (Hons) in Accounting and Finance, Southbank University, London*
- iii. Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)



**ZAINAB BINTI HAMID**

Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Business Administration (MBA), Universiti Putra Malaysia (UPM)*
- ii. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



**ONG HOCK CHYE (PJK)**

Ketua Jabatan Transformasi Operasi dan Penyelarasan

**Kelayakan Akademik:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan) (Kepujian), Universiti Malaya (UM)
- ii. *Certified Diploma in Accounting and Finance (ACCA), UK*



**CINDY TAN LER CHIN (AMN)**

Ketua Jabatan Pematuhan Pelaburan

**Kelayakan Akademik:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Statistik Ekonomi), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ii. *Diploma in Investment Analysis, Malaysian Association of Productivity*
- iii. *Diploma in Accounting & Finance, The Chartered Association of Certified Accountants*



**TAMILWANAN A/L PALANIAPPAN**

Ketua Jabatan Pengurusan Harta

**Kelayakan Akademik:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan), Universiti Malaya (UM)
- ii. *Certified Diploma in Accounting And Finance (CDipAF), ACCA*

## Pengurusan Kanan (Samb.)



**MOHAMAD HAFIZ BIN KASSIM**

Ketua Jabatan Pasaran Persendirian

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Chartered Financial Analyst (CFA)*
- ii. *Fellow of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*
- iii. *Bachelor of Science (Economics) in Accounting and Finance, London School of Economics and Political Science, UK*



**ZALINAH BINTI A. HAMID**

Ketua Jabatan Ekuiti Domestik

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Business Administration in International Business, New Hampshire College, USA*
- ii. *Bachelor of Science in Accounting, New Hampshire College, USA*
- iii. *Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)*



**ROHAYA BINTI MOHAMMAD YUSOF**

Ketua Jabatan Pasaran Modal

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Australian Society of Certified Practising Accountants (ASCPA)*
- ii. *Bachelor of Commerce (Accountancy), Australian National University, Canberra, Australia*



**BAHRUDIN BIN JAWADI**

Ketua Jabatan Pusat Pengurusan Perhubungan

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber), Universiti Pertanian Malaysia (UPM)*
- ii. *Diploma Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*



**AZMI BIN AWANG (AMN, ASK)**

Ketua Jabatan Caruman

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Pertanian) (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*



**TENGGU ROSHANI BINTI TENGGU EMBONG**

Ketua Jabatan Pendaftaran dan Operasi Sokongan

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Universiti Pertanian Malaysia (UPM)*
- ii. *Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (Komunikasi) (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

## Pengurusan Kanan (Samb.)



**VIJAYA KUMAR A/L C. RAJARATNAM (AMN)**

Ketua EPF Learning Centre

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Business Administration in Financial Studies, University of Nottingham, UK*
- ii. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), Universiti Malaya (UM)
- iii. *Certified Diploma in Accounting and Finance (CDipAF), ACCA*
- iv. *Associate Member of Chartered Institute of Secretaries & Administrators, (ACIS), UK*
- v. *Certified Training Professional (CTP) by Asian Regional Training and Development Organisation International*



**NOR AZAM BIN YAHYA**

Ketua Jabatan Penyelidikan Ekuiti

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Chartered Financial Analyst (CFA)*
- ii. *Bachelor of Science (Economics & Mathematics), Bristol University, UK*



**NIK AFFENDI BIN JAAFAR (ASK)**

Ketua Jabatan Integriti dan Tadbir Urus

**Kelayakan Akademik:**

- i. *MSc Public Relations, University of Stirling, Scotland, UK*
- ii. Diploma Perhubungan Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM)



**KHALID BIN HARON @ SHAHRON**

Ketua Jabatan Modal Insan

**Kelayakan Akademik:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Pengajian Pembangunan), Universiti Sains Malaysia (USM)



**NORIZAH BINTI HASSALLI (PJK)**

Ketua Jabatan Rangkaian Perkhidmatan

**Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Science in Professional Accounting, University of Hartford, Connecticut, USA*
- ii. *Bachelor of Science in Business Administration (Accounting), University of Hartford, Connecticut, USA*
- iii. Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)



**ZALIKAR BINTI YUSOFF**

Ketua Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran

**Kelayakan Akademik:**

- i. Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya (UM)

## Pengurusan Kanan (Samb.)



### **BADRUL HISHAM BIN DAHALAN**

Ketua Jabatan Kuantitatif dan Analisa Prestasi

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *M.A Actuarial Science, Ball State University, Muncie, Indiana, USA*
- ii. *B.Sc Actuarial Science, Ball State University, Muncie, Indiana, USA*



### **NURHISHAM HUSSEIN**

Ketua Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *Master of Arts in Economics, University Malaya*
- ii. *Bachelor of Science (Economics) in Monetary Economics, London School of Economics & Political Science, UK*



### **LIM TZE SEONG**

Ketua Jabatan Ekuiti Luar Negara

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *Master in Business Administration, University of Wales*
- ii. *Chartered Institute Of Management Accountants, UK*
- iii. *Certificate In Accounting And Business Computing, TAR College*



### **BALQAIS YUSOFF**

Ketua Jabatan Pengurusan Strategi

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *Master in Business Administration, University of Durham*
- ii. *Bachelor of Arts, University of Wisconsin-Madison, United States*



### **LIM CHING HUI**

Ketua Jabatan Teknologi Maklumat

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *Bachelor of Arts in Computer Science, University of Cambridge, England*



### **AZIZOL ZAINOL**

Ketua Jabatan Perbendaharaan

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *Bachelor of Arts in Economic, University of Michigan, Ann Arbor, USA*



### **ZAIDATUL MAZWIN IDRUS**

Ketua Jabatan Undang-Undang

#### **Kelayakan Akademik:**

- i. *Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa (UIA)*